

RESEARCH ARTICLE

Amalan pengajaran dan pembelajaran kelas pengajian fardu ain kepada masyarakat orang asli (The teaching and learning practices for the indigenous community's fard ain studies class)

Zulkefli bin Aini^{1*}, Muhammad Yusuf Marlon bin Abdullah², Abdul Ghafar bin Don¹

¹Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43560 Bangi, Malaysia

²Pusat Kajian Etnik Orang Asli, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

Abstrak - Kajian ini meneliti amalan pengajaran dan pembelajaran kelas Pengajian Fardu Ain dalam kalangan masyarakat orang asli (MOA) di Negeri Melaka, dengan tumpuan kepada Teknik pengajaran guru. Kerangka teori kajian merangkumi pedagogi kontekstual, komunikasi dakwah berperspektif *al-hikmah*, dan prinsip *taysir* dalam fiqh, menekankan penyampaian ilmu yang inklusif, fleksibel, dan sensitif terhadap latar budaya komuniti. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif, dengan soal selidik sebagai instrumen utama. Seramai 132 responden dari dua daerah di negeri Melaka dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah (simple random sampling). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi menilai tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran guru. Dapatan menunjukkan guru yang disukai pelajar adalah guru yang memulakan kelas dengan bacaan Surah al-Fatihah, menerangkan konsep dengan jelas, dan mewujudkan suasana selesa. Kaedah pengajaran berasaskan visual dan pemberian hadiah kurang mendapat sambutan, menunjukkan penekanan kepada pendekatan tradisional, interaksi bersemuka, dan naratif. Hasil ini sejajar dengan literatur terdahulu mengenai pedagogi kontekstual dan komunikasi dakwah. Keberkesanan pengajaran Fardu Ain dalam komuniti orang asli bergantung kepada kualiti interaksi guru-pelajar, kesesuaian pedagogi, dan prinsip *taysir*. Kajian ini memberi implikasi praktikal untuk pembangunan modul pengajaran berkesan dan strategi pendidikan Islam kontekstual kepada masyarakat orang asli.

Abstract - This study examines the teaching and learning practices of Fardu Ain classes among the orang asli community (MOA) in the state of Melaka, with particular emphasis on teachers' instructional techniques. The theoretical framework integrates contextual pedagogy, al-hikmah-oriented da'wah communication, and the principle of *taysir* in fiqh, highlighting the importance of inclusive, flexible, and culturally sensitive knowledge transmission. The study adopts a descriptive quantitative approach, employing a questionnaire as the primary research instrument. A total of 132 respondents from two districts in Melaka were selected using simple random sampling. Data were analysed using descriptive statistics to assess students' levels of acceptance of teachers' instructional methods. The findings indicate that students tend to favour teachers who begin lessons with the recitation of Surah al-Fatihah, explain religious concepts clearly, and create a comfortable learning environment. In contrast, visually based teaching methods and the provision of rewards received relatively limited responses, suggesting a stronger preference for traditional approaches, face-to-face interaction, and narrative-based instruction within this community. These results are consistent with earlier literature on contextual pedagogy and da'wah communication. Overall, the effectiveness of Fardu Ain instruction among the orang asli community is closely associated with the quality of teacher-student interaction, pedagogical appropriateness, and the application of the principle of *taysir*. This study offers practical implications for the development of effective instructional modules and contextually grounded Islamic education strategies for the orang asli community.

Article History

Received : 2 January 2026

Revised : 28 April 2026

Accepted : 25 May 2026

Published : 30 June 2026

Kata Kunci

Fardu ain

Orang asli

Pedagogi kontekstual

Komunikasi dakwah

Taysir

Keywords

Fardu ain

Orang asli

Contextual pedagogy

Da'wah communication

Taysir

Pendahuluan

Pendidikan agama Islam berperanan penting dalam pembentukan identiti spiritual, nilai moral dan kestabilan sosial masyarakat Muslim. Di Malaysia, pendidikan Islam lazimnya digarap melalui kurikulum formal dan tidak formal dengan penekanan terhadap asas Fardu Ain, akidah dan ibadah, namun pendekatan arus perdana tersebut tidak sepenuhnya sesuai diterapkan dalam komuniti minoriti seperti orang asli yang mempunyai bahasa, budaya dan sistem pengetahuan tersendiri (Wan Nor Hana et al., 2024; Mohamad Safwat et al., 2020). Walaupun proses Islamisasi berlaku melalui pengaruh sosial, perkahwinan dan bantuan kebajikan (Ahmad Fauzi et al., 2021), unsur kepercayaan tradisional dan animisme masih mempengaruhi amalan keagamaan (Juma'at, 2017; Wan Nor Hana et al., 2024), menyebabkan pengislaman tidak selalu diiringi pemahaman agama mendalam. Selain itu, program pembelajaran agama termasuk kelas Fardu Ain dan pengajian al-Quran yang dikendalikan oleh agensi kerajaan serta NGO belum menunjukkan impak signifikan terhadap kefahaman akidah, ibadah dan akhlak (Abdul Ghafar, 2025; Ahmad Nawawi et al., 2023; Sobariah & Rashidi, 2021; Aini et al.,

2019). Hal ini menandakan perlunya pendidikan Islam yang lebih kontekstual, tidak terhad kepada pengulangan kurikulum arus perdana, serta disepadukan secara organik dengan realiti sosiobudaya komuniti orang asli (Siti Raudah et al., 2024). Dalam konteks pedagogi dan komunikasi dakwah, keberkesanan pembelajaran agama bagi komuniti orang asli sangat bergantung pada kesesuaian strategi pengajaran guru dengan latar budaya, tahap literasi dan pengalaman komuniti (Rahman, 2019; Abu & Zakaria, 2020). Pendidikan berorientasikan komuniti melalui pendekatan pedagogi kontekstual dan *culturally responsive teaching* boleh menjadi penghubung antara ilmu agama dengan realiti kehidupan seharian, terutamanya melalui penceritaan, perbincangan interaktif dan *talaqqi musyafahah* (Abd Hadi et al., 2024). Dari sudut komunikasi dakwah, prinsip *al-hikmah* menekankan kebijaksanaan dalam adaptasi mesej, kepekaan emosi pendengar dan kredibiliti penyampai, yang kesemuanya menjadi pemangkin kepada keberkesanan pengajaran agama apabila diaplikasikan dalam kelas Fardu Ain (Aini et al., 2019; Zulkefli et al., 2018; Zulkefli & Abdul Ghafar, 2020). Justeru, penyelidikan mengenai pengajaran Fardu Ain dalam kalangan orang asli sewajarnya menilai bukan sahaja kandungan pembelajaran, tetapi juga gaya penyampaian, hubungan interpersonal, penyusunan mesej serta aspek psikologi dan budaya yang mempengaruhi penerimaan agama.

Dari sudut teori, literatur menegaskan tiga rangka penting dalam memahami pendidikan Islam komuniti orang asli, iaitu pedagogi kontekstual, komunikasi dakwah berasaskan *al-hikmah* dan prinsip *taysir fiqh*. Kajian lapangan menunjukkan pedagogi berasaskan syarah, stimulasi, naratif dan *talaqqi* lebih sesuai dengan tradisi oral masyarakat orang asli (Abd Hadi et al., 2024), manakala pendekatan dakwah berteraskan *al-hikmah* bergantung pada kredibiliti pendakwah dan penyesuaian mesej kognitif-afektif-behavioral (Aini et al., 2019; Zulkefli et al., 2018). Sementara itu, prinsip *taysir* dalam fiqh menyediakan asas fleksibiliti untuk menyantuni komuniti marjinal tanpa mengabaikan maqasid syariah (Paiz et al., 2023), sekali gus membolehkan tuntutan ibadah disampaikan secara bertahap dan mudah diamalkan. Walaupun terdapat kemajuan dalam kajian fiqh kontekstual seperti pengurusan *taharah al-najasah* dan ibadah (Amin et al., 2017; Paiz et al., 2025), serta kajian interaksi dakwah kualitatif (Zulkefli & Abdul Ghafar, 2020), kebanyakan kajian masih bersifat terpisah mengikut disiplin. Sementara Stimac (2022) menegaskan pendekatan holistik pendidikan peribumi berdasarkan kerangka UNESCO, walau bagaimanapun pendekatan tersebut tidak menyentuh pendidikan Islam secara khusus. Begitu juga, kajian berkaitan pembelajaran tidak formal (Dianna et al., 2020; Adnan et al., 2021), akses pendidikan formal (Suthan & Mohamad Nasir, 2025), STEM serta bahasa (Abd Jalil & Abdullah, 2023; Abd Jalil et al., 2024; Shaid et al., 2022; Abdullah, 2022) turut menegaskan bahawa adaptasi budaya merupakan pra-syarat kejayaan pendidikan, namun metodologi penilaian impak dalam pendidikan Islam masih kurang diterokai. Oleh itu, jurang pengetahuan utama dapat dikenal pasti: kekurangan kajian intervensi kuantitatif atau bercampur untuk menguji keberkesanan modul pedagogi Fardu Ain yang dikontekstualkan; ketiadaan kajian longitudinal yang menilai perubahan penghayatan agama selepas penyertaan kelas; jurang antara prinsip *taysir fiqh* normatif dengan aplikasinya dalam reka bentuk modul; serta ketiadaan penyatuan metrik komunikasi dakwah dengan dimensi pembelajaran agama (kognitif-afektif-amali) dalam sampel orang asli (Abd Hadi et al., 2024). Kajian ini menyumbang kepada pengisian jurang tersebut dengan menilai amalan pengajaran Fardu Ain secara empirikal dalam komuniti orang asli di Negeri Melaka, sambil menyarankan integrasi pedagogi kontekstual, strategi dakwah berhikmah dan prinsip *taysir* dalam pembinaan modul pengajaran. Pendekatan ini berpotensi menghasilkan model pengajaran yang inklusif, adaptif dan berkesan, sekali gus memperkukuh kelestarian pendidikan Islam dan penghayatan beragama dalam komuniti orang asli.

Metodologi Kajian

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan deskriptif bagi menilai amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) kelas pengajian Fardu Ain dalam kalangan masyarakat orang asli Muslim. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana objektif utama kajian adalah untuk memperoleh gambaran menyeluruh dan sistematik tentang tahap amalan PdP berdasarkan persepsi responden, tanpa bertujuan menguji hubungan sebab-akibat atau perbezaan antara pemboleh ubah. Reka bentuk tinjauan sesuai digunakan apabila kajian memfokuskan pengukuran tahap, kecenderungan dan corak amalan dalam populasi tertentu secara berstruktur dan berskala (Creswell & Creswell 2018).

Unit Analisis Kajian

Unit analisis bagi kajian ini ialah individu, iaitu masyarakat orang asli Muslim yang mengikuti kelas pengajian Fardu Ain di negeri Melaka. Secara khusus, unit analisis melibatkan responden orang asli Muslim yang menetap di daerah Alor Gajah dan Jasin, merangkumi pelbagai latar demografi seperti jantina, umur, status perkahwinan, suku kaum, pekerjaan, tempoh memeluk Islam serta kekerapan menghadiri kelas Fardu Ain. Selain itu, unit analisis juga merangkumi amalan pengajaran guru dan pengalaman pembelajaran pelajar dalam konteks kelas pengajian Fardu Ain yang dijalankan secara bersemuka di kampung orang asli. Pemilihan unit analisis ini adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang bertujuan menganalisis persepsi masyarakat orang asli muslim terhadap amalan pengajaran guru agama yang mengendalikan kelas fardu ain di kampung orang asli berdasarkan pengalaman langsung peserta kelas.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada masyarakat orang asli Muslim yang mengikuti kelas pengajian Fardu Ain di negeri Melaka. Pemilihan negeri Melaka dibuat berdasarkan kewujudan program bimbingan Fardu Ain yang dijalankan secara berterusan oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) lantikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kepada komuniti orang asli. Sampel kajian melibatkan seramai 132 orang responden, yang dipilih menggunakan kaedah

persampelan rawak mudah (simple random sampling). Bagi kajian ini pemilihan sampel dilaksanakan secara rawak mudah bagi memberikan peluang kepada semua subjek di dalam populasi untuk dipilih sebagai responden kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang dibangunkan bagi mengukur tahap amalan pengajaran dan pembelajaran Fardu Ain berdasarkan pengalaman responden. Soal selidik ini merangkumi beberapa konstruk utama seperti pendekatan pedagogi guru, kaedah penyampaian pengajaran, interaksi guru-pelajar, kesesuaian bahan pengajaran, serta kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap pengajaran yang disampaikan. Item-item soal selidik dibina berdasarkan sorotan literatur berkaitan pendidikan Islam, pedagogi dakwah kepada komuniti orang asli dan kajian terdahulu yang relevan. Item-item disahkan oleh dua orang ahli akademik institusi pengajian tinggi dalam bidang dakwah orang asli dan pendidikan Islam, serta seorang pegawai di Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Di samping itu, proses penyederhanaan terhadap soal selidik dilakukan dengan mendapatkan pandangan PMOA tentang kesesuaian konstruk dan item soal selidik yang disediakan dari segi bahasa, susunan ayat dan istilah yang digunakan dalam set soal selidik. Langkah ini dilakukan kerana mereka lebih hampir dengan masyarakat orang Asli dan memahami tahap pemikiran serta tingkah laku ahli masyarakat tersebut. Skala Likert tiga mata digunakan, iaitu 1 (Tidak Setuju), 2 (Kurang Setuju) dan 3 (Setuju), bagi memudahkan kefahaman responden yang mempunyai latar belakang literasi formal yang berbeza-beza.

Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan secara bersemuka dengan bantuan dan pengawasan PMOA yang menjadi guru kelas pengajian Fardu Ain bagi memastikan kefahaman responden terhadap item soal selidik. Pendekatan ini diambil bagi mengurangkan kekeliruan responden serta meningkatkan kadar respons yang sah dan boleh dipercayai. Sebelum pengumpulan data, penerangan ringkas tentang tujuan kajian diberikan kepada responden, dan persetujuan dimaklumkan (informed consent) diperoleh secara lisan bagi memastikan aspek etika penyelidikan dipatuhi.

Analisis Data

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan statistik deskriptif meliputi kekerapan, peratusan dan skor min bagi setiap item dan konstruk kajian dengan berbantuan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Analisis deskriptif dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan pengajaran dan pembelajaran Fardu Ain, bukannya untuk membuat generalisasi inferens atau pengujian hipotesis. Skor min ditafsirkan berdasarkan tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi menggambarkan kecenderungan amalan PdP secara keseluruhan. Pendekatan ini selaras dengan kajian-kajian terdahulu dalam bidang pendidikan Islam dan dakwah yang menilai tahap amalan dan persepsi responden (Gay, Mills & Airasian 2012).

Had Metodologi Kajian

Walaupun pendekatan kuantitatif memberikan gambaran umum yang jelas tentang tahap amalan PdP, kajian ini terhad kepada data persepsi responden dan tidak melibatkan pemerhatian langsung atau temu bual mendalam. Selain itu, skop kajian yang tertumpu kepada satu negeri menghadkan kebolehumuman dapatan kepada komuniti orang asli di kawasan lain. Walau bagaimanapun, kajian ini tetap memberikan sumbangan empirikal yang signifikan sebagai asas awal untuk kajian lanjutan menggunakan pendekatan kualitatif atau kaedah gabungan (mixed-method) pada masa hadapan.

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Kajian ini melibatkan seramai 132 orang responden dengan taburan demografi yang pelbagai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Daripada segi jantina, majoriti responden adalah perempuan seramai 90 orang (68.2%), manakala lelaki pula berjumlah 42 orang (31.8%). Taburan ini menunjukkan golongan perempuan lebih ramai terlibat dalam kajian berbanding lelaki. Manakala daripada sudut umur, responden yang paling ramai adalah berumur 42 tahun ke atas iaitu 39 orang (29.5%). Kumpulan kedua terbesar ialah mereka berumur 18–23 tahun seramai 25 orang (18.9%), diikuti 24–29 tahun sebanyak 20 orang (15.2%). Responden berumur 12–17 tahun dan 36–41 tahun masing-masing seramai 17 orang (12.9%), manakala kumpulan umur paling kecil ialah 30–35 tahun dengan 14 orang (10.6%). Status perkahwinan pula menunjukkan majoriti responden berada dalam ikatan perkahwinan iaitu 84 orang (63.6%), diikuti bujang 33 orang (25%), janda 11 orang (8.3%) dan duda 4 orang (3%). Dari aspek daerah, sebahagian besar responden tinggal di Alor Gajah (75.8%) berbanding Jasin (24.2%). Berdasarkan data kampung tempat tinggal, responden terbanyak berasal dari Kampung Bukit Payung iaitu 55 orang (41.7%), diikuti Bukit Sebang (11.4%) dan Lubok Bandung (9.8%). Daripada segi suku kaum, hampir keseluruhan responden terdiri daripada suku Temuan (97%) manakala selebihnya Temiar (3%). Daripada aspek pekerjaan, majoriti responden bekerja sendiri (49.2%) dan suri rumah (39.4%), dengan sebilangan kecil bekerja dalam sektor swasta (6.1%) dan kerajaan (5.3%). Tempoh memeluk Islam pula menunjukkan ramai responden telah memeluk Islam lebih 11 tahun (45.5%), selain mereka yang beragama Islam sejak lahir (19.7%). Akhir sekali, kekerapan menghadiri kelas fardhu ain menunjukkan 40.9% hadir 1–5 kali, 33.3% hadir 11 kali ke atas dan 25.8% hadir 6–10 kali. Keseluruhan taburan ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai latar belakang responden dari segi jantina, umur, status, daerah, kampung, suku kaum, pekerjaan, tempoh memeluk Islam serta tahap penglibatan dalam kelas agama.

Jadual 1. Taburan demografi

Item		Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	42	31.80
	Perempuan	90	68.20
Umur	12-17	17	12.90
	18-23	25	18.90
	24-29	20	15.20
	30-35	14	10.60
	36-41	17	12.90
	42>	39	29.50
Status perkahwinan	Bujang	33	25.00
	Berkahwin	84	63.60
	Janda	11	8.30
	Duda	4	3.00
Daerah	Alor Gajah	100	75.80
	Jasin	32	24.20
Perkampungan tempat tinggal	Bukit Payung	55	41.70
	Lubok Bandung	13	9.80
	Bukit Sebang	15	11.4
	Solok Terentang	4	3.00
	Pondok Batang	2	1.50
	Machap Umboo	9	6.80
	Bukit Besar	3	2.30
	Air Dusun	2	1.15
	Gapam Baru	4	1.50
	Kubang Badak	9	6.80
	Tebong Sesyen	4	3.00
	Bukit Seraya	10	7.60
	Hutan Percha	2	1.50
Suku kaum	Temuan	128	97.00
	Temiar	4	3.00
Pekerjaan	Kerajaan	7	5.30
	Swasta	8	6.10
	Kerja sendiri	65	49.20
	Suri rumah	52	39.40
Tempoh memeluk agama Islam	1-5	18	13.60
	6-10	28	21.20
	11 >	60	45.50
	Lahir Islam	26	19.70
Kekerapan hadir ke kelas fardu ain	1-5 kali	54	40.90
	6-10 kali	34	25.80
	11 kali >	44	33.30

Perspsi Masyarakat Orang Asli Terhadap Amalan Pengajaran Kelas Pengajian Fardu Ain

Taburan analisis tinjauan bagi amalan pengajaran guru dalam kelas Pengajian Fardu Ain dalam kalangan responden ditunjukkan dalam Jadual 2 dengan nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi dengan nilai min 2.84 (sisihan piawai 0.38). Ini menunjukkan bahawa responden berpandangan positif tentang amalan pengajaran guru dalam kelas pengajian fardu ain dan guru berjaya mengamalkan pendekatan serta teknik yang diterima dan dihargai oleh responden. Kesemua item memperoleh nilai min antara 2.61 hingga 2.97, dengan sisihan piawai yang rendah iaitu antara 0.21 hingga 0.57, menandakan bahawa jawapan responden adalah konsisten dan tidak banyak berbeza. Nilai min tertinggi ialah 2.97 (B2 – guru memulakan kelas dengan membaca Surah al-Fatihah), manakala nilai min terendah ialah 2.61 (B8 – guru mengajar menggunakan gambar/video/audio). Secara keseluruhannya, nilai min 2.84 dengan sisihan piawai keseluruhan sekitar 0.38 membuktikan bahawa guru telah berjaya mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang disenangi oleh pelajar, khususnya yang berteraskan aspek kerohanian dan motivasi. Walaupun terdapat beberapa item dengan sisihan piawai yang lebih tinggi (seperti B5, B8, dan B10), ia masih berada dalam kategori tinggi dan menunjukkan variasi kecil dalam kalangan responden. Dapatan ini secara langsung memenuhi objektif kajian, iaitu mengenal pasti amalan pengajaran dan pembelajaran kelas pengajian fardu ain dalam konteks komuniti orang asli di Melaka.

Jadual 2. Taburan amalan pengajaran guru dalam kelas pengajian fardu ain

Kod item	Item	Kekerapan dan peratus			Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
		Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju			
B1	Guru saya menunjukkan wajah ceria yang membuatkan saya selesa dengannya.	1 (0.8%)	2 (1.5%)	129 (97.7%)	2.96	0.211	Tinggi
B2	Guru saya sentiasa memulakan kelas dengan membaca Surah al-Fatihah	1 (0.8%)	2 (1.5%)	129 (97.7%)	2.97	0.211	Tinggi
B3	Guru saya sentiasa mengakhiri kelas dengan membaca doa	2 (1.5%)	3 (2.3%)	127 (96.2%)	2.95	0.284	Tinggi
B4	Guru saya suka memberikan pujian apabila saya menjawab dengan betul	1 (0.8%)	8 (6.1%)	123 (93.2%)	2.92	0.292	Tinggi
B5	Guru saya suka memberikan hadiah apabila saya menjawab dengan betul	4 (3%)	36 (27.3%)	92 (69.7%)	2.67	0.532	Tinggi
B6	Guru saya suka membuat jamuan selepas kelas	4 (3%)	32 (24.2%)	96 (72.7%)	2.70	0.524	Tinggi
B7	Guru saya menerangkan dengan cara yang mudah difahami	1 (0.8%)	3 (2.3%)	128 (97%)	2.96	0.220	Tinggi
B8	Guru saya mengajar menggunakan gambar/ video / audio	4 (3%)	43 (32.6%)	85 (64.4%)	2.61	0.571	Tinggi
B9	Guru saya memberikan banyak contoh ketika mengajar	1 (0.8%)	13 (9.8%)	118 (89.4%)	2.89	0.323	Tinggi
B10	Guru saya mengajar dengan cara berlakon / bercerita / bernasyid / syarahan	5 (3.8%)	34 (25.8%)	93 (70.5%)	2.67	0.561	Tinggi
B11	Guru saya mengajar dengan mengadakan kuiz	4 (3%)	21 (15.9%)	107 (81.1%)	2.78	0.466	Tinggi
B12	Guru saya suka bertanya soalan kepada saya	1 (0.8%)	9 (6.8%)	122 (92.4%)	2.92	0.287	Tinggi
B13	Guru saya mengajar dengan menggunakan buku	1 (0.8%)	5 (3.8%)	126 (95.5%)	2.95	0.231	Tinggi
Keseluruhan					2.84	0.380	Tinggi

Diskusi

Berdasarkan dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 2 bahawa tingginya tahap persetujuan terhadap keselesaan dengan guru dan kejelasan pengajaran boleh dijelaskan melalui realiti sosiobudaya masyarakat orang asli yang sangat mementingkan hubungan berasaskan kepercayaan, keakraban dan komunikasi bersemuka. Guru yang diterima sebagai individu berautoriti tetapi bersifat mesra berfungsi bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, malah sebagai agen sosial dan keagamaan dalam komuniti. Amalan memulakan kelas dengan bacaan al-Fatihah pula membina suasana psikologi dan spiritual yang kondusif, sekali gus meningkatkan kesiapsiagaan pelajar untuk menerima pengajaran. Sebaliknya, tahap persetujuan yang lebih rendah terhadap penggunaan bahan multimedia dan pemberian hadiah menunjukkan bahawa pendekatan berbentuk ganjaran material atau teknologi bukanlah keutamaan dalam konteks ini, sama ada disebabkan keterbatasan kemudahan, tahap literasi digital atau kecenderungan pembelajaran yang lebih berasaskan interaksi langsung. Dapatan kajian ini secara konsisten menyokong dan memperluas penemuan kajian terdahulu berkaitan pengajaran agama kepada komuniti orang asli dan komuniti minoriti Islam (Ramlan et al., 2023; Ismail et al., 2023; Ismail et al., 2024). Kajian Abd Hadi et al. (2024) mendapati bahawa pendekatan pengajaran berasaskan syarah ringkas, penceritaan (narrative), stimulasi dan talaqqi musyafahah adalah paling berkesan dalam kelas fardu ain muallaf orang asli, berbanding pendekatan berbantuan teknologi atau bahan visual yang kompleks. Sementara itu, kajian Ismail et al. (2024) memperkukuh keperluan pendekatan yang komprehensif seperti pembangunan modul Fardu Ain yang berstruktur seperti kemahiran asas al-Quran dan tajwid, tafsir ayat terpilih, hadis terpilih, dan kisah nabi bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran fardu ain orang asli. Dapatan ini selari dengan hasil kajian semasa yang menunjukkan penggunaan gambar, video dan audio (B8) menerima persetujuan paling rendah, sekaligus memperkukuh hujah bahawa pedagogi berteknologi tinggi tidak semestinya relevan dalam konteks komuniti yang masih kuat berteraskan tradisi lisan dan pembelajaran berasaskan pengalaman.

Dari sudut komunikasi dakwah, hasil kajian ini turut menyokong dapatan Aini et al. (2019) yang menegaskan bahawa keberkesanan pengajaran fardu ain kepada orang asli Muslim sangat bergantung kepada pendekatan *al-hikmah*, iaitu keupayaan pendakwah menyesuaikan mesej dengan tahap kefahaman, emosi dan latar sosial *mad'u*. Kejelasan penyampaian (B7) dan keselesaan pelajar terhadap guru (B1) yang mencatat skor tinggi menunjukkan bahawa kredibiliti interpersonal pendakwah memainkan peranan yang lebih besar berbanding kepelbagaian teknik pengajaran semata-mata. Penemuan ini selari dengan kajian Zulkefli et al. (2018) yang mendapati bahawa strategi persuasif dakwah kepada orang asli perlu memberi tumpuan kepada dimensi kognitif, afektif dan tingkah laku secara bersepadu, bukan hanya pemindahan maklumat agama. Selain itu, dapatan kajian ini juga menyokong perbincangan fiqh kontemporari mengenai keperluan pendekatan inklusif dalam pendidikan agama. Paiz et al. (2023) menegaskan bahawa penerapan prinsip *taysir* dalam

pengajaran Islam kepada masyarakat orang asli adalah penting bagi mengelakkan pendekatan yang terlalu normatif dan membebankan. Justeru, kecenderungan guru menggunakan pendekatan mudah difahami serta kurang menekankan ganjaran material boleh ditafsirkan sebagai manifestasi praktikal *taysir*, yang memudahkan penerimaan dan penghayatan ajaran Islam secara beransur-ansur. Apabila dianalisis dalam kerangka pedagogi kontekstual, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa pengajaran yang berkesan bukan bergantung kepada kecanggihan teknik, tetapi kepada kesesuaian pendekatan dengan realiti budaya dan sosial pelajar. Prinsip ini selari dengan gagasan *culturally responsive teaching* yang dikemukakan oleh Gay (2015), yang menegaskan bahawa pengajaran perlu berakar pada pengalaman hidup, bahasa dan sistem nilai komuniti sasaran bagi membolehkan pembelajaran bermakna berlaku. Dalam konteks orang asli, keutamaan terhadap kejelasan penerangan, contoh konkrit dan interaksi langsung menunjukkan bahawa pedagogi kontekstual bukan sekadar pilihan metodologi, tetapi satu keperluan epistemologi.

Dari perspektif komunikasi dakwah berasaskan *al-hikmah*, dapatan kajian ini menyokong prinsip asas dakwah Islam sebagaimana digariskan dalam Surah al-Nahl (16:125), yang menekankan kebijaksanaan, nasihat yang baik dan dialog yang sesuai dengan kondisi sasaran. Dalam literatur dakwah kontemporari, al-Bayanuni (2014) menegaskan bahawa hikmah dalam dakwah bukan sekadar kelembutan bahasa, tetapi keupayaan memahami realiti *mad'u* dan menyusun keutamaan mesej secara strategik. Justeru, kejayaan guru membina keselesaan dan kepercayaan pelajar dalam kajian ini membuktikan bahawa pendekatan *al-hikmah* berfungsi secara operasional dalam bilik darjah, bukan hanya sebagai konsep normatif dakwah. Sementara itu, prinsip *taysir* dalam fiqh memberikan dimensi normatif yang melengkapkan analisis pedagogi dan komunikasi. Al-Qaradawi (1990) dalam perbincangan *fiqh al-taysir* menegaskan bahawa kemudahan dalam pelaksanaan agama merupakan pendekatan syarak yang sah, khususnya dalam konteks masyarakat baharu memeluk Islam dan komuniti yang berhadapan kekangan struktur. Dalam kajian ini, pendekatan pengajaran yang ringkas, fleksibel dan tidak terlalu bergantung kepada ganjaran luaran mencerminkan pelaksanaan *taysir* secara praktikal, sekaligus memperluas aplikasi prinsip fiqh tersebut dalam bidang pendidikan Islam orang asli. Implikasi dapatan kajian ini adalah signifikan kepada amalan pendidikan Islam dan dasar dakwah kepada komuniti orang asli. Dapatan ini menunjukkan bahawa latihan guru fardu ain perlu menekankan kemahiran komunikasi dakwah, kefahaman budaya dan pembinaan hubungan interpersonal, bukan sekadar penguasaan kandungan ilmu. Dari sudut dasar, pihak berkuasa agama dan institusi latihan pendakwah wajar menilai semula keberkesanan pendekatan berasaskan teknologi semata-mata dan memberi keutamaan kepada strategi pengajaran yang lebih bersifat kontekstual dan berteraskan pendekatan *al-hikmah*. Justeru, dapatan ini penting kerana ia menyediakan asas empirikal untuk membina model pengajaran fardu ain yang lebih inklusif, berkesan dan lestari bagi komuniti orang asli. Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan bagi mempertingkatkan amalan pengajaran guru dalam kelas fardu ain yang melibatkan masyarakat orang asli secara lebih berkesan dan kontekstual. Antara aspek utama ialah keperluan memperkukuh hubungan guru-pelajar melalui pendekatan mesra dan empatik, kerana sikap guru yang ceria dan terbuka didapati mewujudkan keselesaan emosi, sekali gus meningkatkan motivasi serta penglibatan aktif pelajar. Dari sudut kerohanian, amalan memulakan kelas dengan bacaan Surah al-Fatihah dan mengakhiri pengajaran dengan doa perlu dikekalkan serta diperkaya dengan refleksi ringkas bagi menghubungkan kandungan pembelajaran dengan nilai moral dan spiritual. Kejelasan penerangan guru juga perlu diteruskan melalui penggunaan analogi, contoh praktikal, pengulangan konsep serta teknik penceritaan atau dramatization secara sederhana bagi memudahkan pemahaman konsep abstrak. Penggunaan media interaktif seperti gambar, video dan audio pula disarankan secara berhemah dan bersasar sebagai bahan sokongan, bukan pengganti peranan guru. Dari aspek motivasi, pujian verbal terbukti lebih berkesan dalam memupuk motivasi intrinsik berbanding ganjaran fizikal yang hanya sesuai digunakan secara terhad. Akhirnya, penglibatan pelajar melalui kuiz, soal jawab, kerja berkumpulan dan aktiviti kreatif perlu dipertingkatkan dengan menyeimbangkan kaedah tradisional dan inovatif agar pembelajaran fardu ain menjadi lebih bermakna dan berterusan.

Kesimpulan

Kajian ini memfokuskan kepada amalan pengajaran dan pembelajaran kelas Pengajian Fardu Ain dalam kalangan masyarakat orang asli (MOA) di Negeri Melaka, dengan tumpuan terhadap kaedah pengajaran guru, teknik penyampaian ilmu serta penerimaan pelajar terhadap pembelajaran fardu ain. Dapatan menunjukkan bahawa guru yang dihargai dan disenangi pelajar ialah guru yang memulakan pengajaran dengan bacaan Surah al-Fatihah, menyampaikan konsep agama secara ringkas dan mudah difahami, serta mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa dan tidak mengancam. Penemuan ini menegaskan bahawa keberkesanan pengajaran fardu ain dalam komuniti orang asli sangat bergantung kepada pendekatan pedagogi kontekstual, komunikasi dakwah berteraskan *al-hikmah*, serta penerapan prinsip *taysir* dalam fiqh. Menariknya, penggunaan kaedah moden seperti video, gambar dan pemberian ganjaran hanya menerima respons sederhana, sekali gus menunjukkan bahawa interaksi bersemuka, keperibadian guru dan kaedah tradisional yang mesra komuniti masih menjadi pendekatan paling signifikan dalam konteks pembelajaran masyarakat orang asli. Dari sudut sumbangan saintifik, kajian ini memperkukuh wacana pendidikan Islam kontekstual dengan menegaskan bahawa keberkesanan pengajaran fardu ain tidak bergantung semata-mata pada kandungan modul, tetapi turut dipengaruhi oleh kesesuaian kaedah, kepekaan budaya dan hubungan interpersonal antara guru dan pelajar. Dapatan kajian menyokong teori pedagogi kontekstual serta prinsip dakwah *al-hikmah*, di samping menambah bukti empirikal terhadap penerapan pendekatan *taysir* dalam pendidikan Islam komuniti minoriti. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai batasan dari segi saiz sampel, taburan jantina yang tidak seimbang dan penggunaan kaedah soal selidik deskriptif semata-mata. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan menggunakan kaedah campuran dengan penglibatan temu bual mendalam, liputan komuniti yang lebih luas, serta pembangunan dan penilaian modul pedagogi Fardu Ain yang lebih fleksibel dan responsif terhadap budaya, literasi, dan pengalaman hidup masyarakat orang asli.

Penghargaan

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, terutama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA).

Konflik Kepentingan

Penulis dan rakan pengkaji tidak mempunyai sebarang kepentingan atau kecenderungan peribadi kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam kajian ini.

Deklarasi Penulis

Artikel ini ditulis oleh Zulkefli Aini. Analisis data, kajian dan perbincangan dilakukan oleh Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. Semakan keseluruhan artikel telah dilakukan oleh Abdul Ghafar Don.

Rujukan

- Abd Hadi, B., M., Huda, M., Abdul Rasid, M. S., Abdul Rahim, M. M., & Abdul Hamid, N. Z. (2024). Teaching approach for indigenous people: An empirical study from Pahang, Malaysia. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 18(3), 773–782. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v18i3.21096>
- Abd Jalil, A. H., & Abdullah, A. H. (2023). Indigenous pedagogy approach in teaching mathematics among orang asli primary school students. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(9), e002494. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2494>
- Abd Jalil, A. H., Abdullah, A. H., & Wani Wan Fakhruddin, W. F. (2024). STEM education and mathematics performance among orang asli primary school students in Johor, Malaysia: Challenges and recommendations. In *2024 IEEE Frontiers in Education Conference (FIE)* (pp. 1–9). IEEE. <https://doi.org/10.1109/FIE61694.2024.10893311>
- Abdul Ghafar, D. (2025). *Dakwah Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Bangi: UKM Press.
- Abdullah, A. H. (2022). A systematic review of what Malaysia can learn to improve orang asli students' mathematics learning from other countries. *Sustainability*, 14(20), 13201. <https://doi.org/10.3390/su142013201>
- Adnan, A. H. M., Shah, D. S. M., Tahir, M. H. M., Salim, M. S. A. M., & Yusof, A. M. (2021). The lived experiences and non-formal education of Malaysian orang asli youngsters. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(9), 682–695. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i9/11050>
- Ahmad Fauzi, S., Muhammad, Y. M. A., Mohd, H. A., Ahmad, A. M., & Zulkefli, A. (2017). Faktor tarikan masyarakat orang asli memeluk Islam di Selangor. In *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD 2017)* (p. 1067).
- Ahmad Nawawi, Y., Nurulzulaiha, S., Siti Nuur-Ila, M. K., Nurul Badriyah, A., Mohamad Zaim, I., & Mazlynda, M.Y. (2023). Kefahaman amalan solat dalam kalangan komuniti Orang Asli Jakun. *Insight Journal*, 11(2), 315–320. <https://doi.org/10.24191/ij.v11i2.3508>
- Aini, Z., Don, A. G., Puteh, A., & Nor Sad, N. D. H. (2019). Amalan komunikasi dakwah semasa kelas Fardu Ain Orang Asli Muslim di Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 34–47. DOI:10.35631/ijlgc.417004
- Al-Bayanuni, M. A. al-F. (2014). *Al-Madkhal Ila 'Ilm al-Da'wah*. Cetakan ke-3. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Dianna, S. M. S., Airil, H. M. A., Mohamad, S. A. M. S., Ahmad, M. Y., & Mohd, H. M. T. (2020). The non-formal education of orang asli adolescents in Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 5(1), 1–8. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v5i1.4812>
- Faizah, I., Muhammad Ekram, H., & Mahinur, G. (2023). The integration of cultural elements in the English language classrooms: A case study of selected orang asli schools in Pahang, Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 8(1), 26–45. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol8iss1pp26-45>
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2012). *Educational research: Competencies for analysis and applications* (10th ed.). Pearson Education.
- Gay, G. (2015). The what, why, and how of culturally responsive teaching: International mandates, challenges, and opportunities. *Multicultural Education Review*, 7(3), 123–139. <https://doi.org/10.1080/2005615X.2015.1072079>
- Ismail, H., Mokhtar, N. A., Mustapha, R., Abdul Razak, F. Z., 'Atikah Tazudin, A., Abdul Rahman, A., & Sh Othman, S. M. F. (2023). The level of mastery of basic Fardu Ain among indigenous communities in Pahang. *Al-Hikmah*, 15(2), 56–71. <https://doi.org/10.17576/alhikmah.2023.152/502>
- Ismail, H. B., Mustapha, R. B., Sahrir, M. S. B., Mokhtar, N. A. B., Razak, F. Z. B. A., Rahman, A. B. A., & Othman, S. M. F. (2024). Design and development of Fardhu Ain module for indigenous communities in Pahang state based on Fuzzy Delphi analysis. *Open Journal of Social Sciences*, 12, 58–75. <https://doi.org/10.4236/jss.2024.127006>
- Juma'at Misman. (2017). *Orang Seletar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Safwat, A. M. S., Airil Haimi, M. A., Dianna Suzieanna, M. S., Mohd Haniff, M. T., & Ahmad Muhyiddin, Yusof. (2020). The orang asli in Malaysian formal education: Teachers' sentiments and observations. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 5(1), 57–64. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v5i1.4819>

- Paiz, H., Mohd Anuar, R., Muhammad Yusri, Y. @S., Mohd Zahirwan, H. Z. A., Abd Munir, M. N., Muhd Imran, A. R., & Abd Nasir, M. (2023). Pendekatan Rasulullah SAW dalam berinteraksi dengan masyarakat terisolasi. *Jurnal 'Ulwan*, 8(3), 233–248.
- Paiz, H., Mohd Anuar, R., Zulkefli, A., Muhammad Yusri, Y. @ S., Muhd Imran, A. R., Mohd Zahirwan, H. Z. A. & Muhammad Syazwan, F. S. (2025). A Model of Fiqh Al-Tahārah for The Orang Asli Muslim in Malaysia: A fuzzy delphi application on the issue of food containers and kitchen utensils contaminated by Najāsah Al-Khinzīr. *Journal of Fatwa Management and Research*. 30(3), 81-96. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol30no3.730>
- Qaradawi, Y. al- (1990), *Taysir al-Fiqh Fi Daw'i al-Qur'an Wa al-Sunnah (Fiqh al-Siyam)*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ramlan, M., Nazatul Akmar, M., Halim, I., Fahmi Zaidi, A. R., Asmadi, A. R., & Sh Mohd Firdaus, S. O. (2023). The development of the Al-Qur'an and Fardhu Ain mastery model of the indigenous people in Pahang: The Fuzzy Delphi approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(6), 211–223. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i6/17396>
- Shaid, N., Hamid, S., & Maros, M. (2022). Exploration of Malay language acquisition and learning experience among orang asli students. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*. 21(5), 126-142. <https://doi.org/10.26803/ijlter.21.5.7>.
- Siti Raudah, A. K., Norhapizah, M. B., & Huzaimah, I. (2024). The principles of heutagogy as a medium towards lifelong learning in Orang Asli Islamic education. *Journal of Contemporary Social Science and Education Studies*, 1(2), 185–201.
- Sobariah, A. B., & Rashidi, A. (2021). Program pembangunan tamadun masyarakat orang asli (PETAMA): Satu analisis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 6(S2), 37–41. [https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i\(S2\).6248](https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i(S2).6248)
- Stimac, Z. (2022). Indigenous peoples through the lens of UNESCO. *Religions*, 13(10), 957. <https://doi.org/10.3390/rel13100957>
- Suthan, P., & Mohamad, N. S. (2025). The role of socioeconomic disparities in Orang Asli education in Malaysia. *Journal of Information Systems Engineering and Management*, 10(43s), 1001–1014. <https://doi.org/10.52783/jisem.v10i43s.8505>
- Wan Nor Hana, W. I., Intan Farhana, S., Ahzilah, W., & Ahmad Sharifuddin, M. (2024). Amalan beragama orang asli Muslim di Semenanjung Malaysia: Analisis bibliometrik. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 5(1), 72–79.
- Zulkefli, A., Abd. Ghafar, D., Ahmad Irdha, M. & Nur Uswah, A. F. (2018). Muslim preacher's persuasive strategy in da'wah communication to indigenous people (Orang Asli) in Selangor. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(2), 1-16.
- Zulkefli, A., & Abdul Ghafar, D. (2020). Amalan kemahiran komunikasi pendakwah dengan masyarakat Orang Asli di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 83–100.